

TINJAUAN TEMATIK MENGENAI KETERLIBATAN WANITA DALAM PENGIMARAHAN MASJID

Sahlawati Abu Bakar,¹ Mariam Abd Majid,¹ & Zanariah Dimon²

¹Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

²Faculty of Syariah & Jurisprudence, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Sahlawati binti Abu Bakar. Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: sahlawati@kuis.edu.my.

Abstrak

Pengimarahen masjid merupakan satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh semua orang Islam seperti yang ditekankan di dalam al-Quran dan hadis. Program pengimarahen masjid melibatkan jawatankuasa masjid serta masyarakat setempat yang berperanan menghidupkan segala aktiviti pengimarahen. Walaupun banyak kajian telah dibuat mengenai pengimarahen masjid, masih belum ada kajian yang meninjau secara tematik mengenai keterlibatan wanita dalam pengimarahen masjid. Tinjauan ini didorong oleh kepercayaan bahawa wanita mempunyai peranan dalam program pengimarahen di masjid sama ada sebagai jawatankuasa pelaksana atau sebagai peserta. Oleh itu, tujuan tinjauan sistematik ini adalah untuk mensintesis literatur mengenai keterlibatan wanita dalam pengimarahen masjid menggunakan ATLAS.ti 8. Pencarian kata kunci, diikuti oleh saringan menggunakan kriteria kemasukan dari pangkalan data Google Scholar, Research Gate dan Mendeley, mengenal pasti 51 artikel jurnal. Namun, setelah proses penyaringan, hanya 17 artikel yang digunakan sebagai artikel terakhir yang akan dikaji. Kajian tematik terhadap 17 artikel ini mengenal pasti 17 kod awal yang membincangkan wanita dalam aktiviti masjid dan dikelompokkan dalam lima aspek: adab wanita di masjid, aktiviti umum, aktiviti wanita, skop imarah dan fasiliti. Hasilnya memberi manfaat kepada kajian masa depan mengenai peranan wanita dalam aktiviti pengimarahen masjid dan dapat menjadi panduan bagi jawatankuasa masjid terutamanya jawatankuasa muslimat dalam pengimarahen masjid.

Kata kunci: Pengimarahen masjid, wanita, jawatankuasa muslimat, ATLAS.ti 8, tinjauan tematik

(A THEMATIC REVIEW ON WOMEN'S INVOLVEMENT IN MOSQUE IMARAH (ENLIVENING))

Abstract

The mosque imarah (enlivening) is a responsibility that must be performed by all Muslims as emphasized in the Qur'an and hadith. The mosque enlivening program involves the mosque committee as well as the local community whose role is to liven up all imarah activities. Although many studies had been done on mosque enlivening, there were still no studies that thematically review the involvement of women in mosque imarah. The review was driven by the belief that women had a role in mosque enlivening programs either as the committees or as the participants. Therefore, the purpose of this systematic review was to synthesize the literature on women's involvement in mosque imarah using ATLAS.ti 8. Keyword search, followed by screening using the inclusion criteria on Google Scholar, Research Gate and Mendeley databases, had identified 51 journal articles. However, after the screening process, only 17 articles were reviewed. The thematic study of these 17 articles identified 17 initial codes that discussed women in mosque activities and grouped them into 5 aspects: women's manners in mosques, general activities, women's activities, the scope of imarah and facilities. The results were beneficial for future studies on the role of women in mosque imarah activities and could be a guide for mosque committees, especially Muslim women committees in mosque imarah.

Keywords: Mosque imarah (enlivening), women, muslimat committee, ATLAS.ti 8, thematic review

Received: May 3, 2021

Accepted: June 1, 2021

Online Published: June 30, 2021

1. Pendahuluan

Pengimarahkan masjid merupakan tanggungjawab semua orang Islam seperti mana penegasan yang diberikan Allah SWT dalam al-Quran. Dalam surah al-Taubah ayat 18 Allah SWT berfirman:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا
اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

Sesungguhnya yang memakmurkan masjid Allah hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta (tetap) melaksanakan salat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada apa pun) kecuali kepada Allah. Maka mudah-mudahan mereka termasuk orang-orang yang mendapat petunjuk.

Dasar pengimarahkan masjid adalah bersandarkan kepada teras agama iaitu menyuruh manusia membuat kebaikan dan melarang manusia daripada melakukan


kemaksiatan (Remly, Abdul Kadir, Othman, & Sabaruddin, 2019). Program-program berbentuk sosial kemasyarakatan diperlukan bagi menggerakkan aktiviti bersifat penerapan nilai positif dalam kalangan anggota masyarakat. Sehubungan itu masjid perlu mengadakan pelbagai aktiviti bagi menarik masyarakat datang ke masjid dan seterusnya mengimarhkannya. Selain aktiviti ibadah dan keagamaan, masjid berfungsi sebagai tempat tumpuan masyarakat seperti perbincangan, pendidikan dan pusat ekonomi (Basit, 2009; Omar, Hussin, & Muhammad, 2019). Seajar dengan sabdaan Nabi SAW:

“Dan setiap kali segolongan kaum berkumpul di rumah daripada rumah-rumah Allah (masjid), membaca al-Quran, dan bertadarus di kalangan mereka, nescaya diberikan ketenangan dan mereka dicucuri rahmat.” (Riwayat Muslim)

Kajian ini menegaskan mengenai keterlibatan wanita dalam aktiviti pengimarahan masjid memandangkan wanita merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat yang terlibat sama dengan program kemasyarakatan. Kajian-kajian yang telah dilakukan didapati banyak memfokuskan aktiviti pengimarahan secara umum tanpa memberikan perhatian terhadap keterlibatan wanita sama ada sebagai jawatankuasa pelaksana mahupun sebagai peserta. Peranan wanita dalam masyarakat dilihat penting dalam pelbagai aspek seperti akidah (Saari & Borhan, 2006), pembangunan (Soetrisno, 2016) dan politik (Hamidi & Mustafa, 2013).

Selain itu wanita Islam juga turut diberikan hak dalam beribadah sama seperti lelaki termasuk menghadirkan diri ke masjid bagi tujuan itu. Tidak terdapat larangan bagi perempuan untuk mendatangi masjid sebagaimana salah satu hadis “janganlah kalian mencegah wanita-wanita mendatangi masjid (HR. Buhari Muslim)” Walaupun pengimarahan masjid merupakan isu yang banyak dibincangkan namun tidak terdapat kajian yang membuat tinjauan terhadap keterlibatan wanita dalam pengimarahan masjid secara khusus. Oleh itu matlamat kajian ini adalah untuk membuat tinjauan secara sistematik terhadap literatur-literatur mengenai pengimarahan masjid berdasarkan persoalan kajian: Persoalan kajian: Apakah kajian-kajian yang telah dijalankan mengenai keterlibatan wanita di masjid serta aktiviti imarah masjid?


2. Metodologi



Rajah 1: Pangkalan data dan jumlah penerbitan

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan tematik iaitu satu kaedah meninjau artikel berdasarkan tema-tema yang terdapat dalam artikel. Kaedah ini diadaptasi daripada kajian yang dilakukan oleh Zairul (2020). Pada langkah awal, tinjauan sistematik terhadap artikel penyelidikan dilakukan untuk mengenal pasti isu akademik terkini mengenai keterlibatan wanita dalam pengimarah masjid. Artikel yang diterbitkan diambil dari tiga pangkalan data Google Scholar menggunakan kata kunci “pengimarah masjid” AND wanita, ResearchGate menggunakan kata kunci “pengimarah masjid” dan Mendeley menggunakan kata kunci “mosque”. Pencarian ini menghasilkan sekitar 51 penerbitan dari tiga pangkalan data. Oleh kerana tinjauan ini terhad kepada jurnal dan buku serta terdapat beberapa pertindanan artikel maka 34 penerbitan dikeluarkan. Setelah mengeluarkan pertindanan dan mengimbas semua abstrak untuk membuang artikel yang tidak berkaitan dengan topik penyelidikan ini, sebanyak 17 makalah digunakan sebagai asas untuk dikaji. Rujuk rajah 1

Seterusnya, semua 17 metadata dipindahkan ke ATLAS.ti 8 dan dibuat sebagai dokumen utama. Dari metadata yang dibuat di Mendeley, beberapa pengelompokan dimulai secara automatik dalam kumpulan kode seperti (rajah 2). Pengelasan dalam ATLAS.ti telah menjadikan pengkelasan lebih mudah dan sistematik. Pada pusingan pertama pengekodan, 12 kod awal dihasilkan. Kemudian kod-kod tersebut dikelompokkan menjadi beberapa tema dan untuk menjawab persoalan kajian "apakah kajian-kajian yang telah dijalankan mengenai keterlibatan wanita di masjid serta aktiviti imarah masjid?". Hasil kajian ini akan dibahagikan kepada dua bahagian; dapatan kuantitatif dan dapatan kualitatif.



Rajah 2: Kumpulan kod yang dihasilkan dari metadata Mendeley

3. Dapatan dan perbincangan

Dapatan kajian dan perbincangan dibahagikan kepada dua jenis iaitu dapatan berbentuk kuantitatif dan dapatan berbentuk kualitatif. Dapatan kuantitatif membicarakan data berbentuk numerik manakala dapatan kualitatif mengemukakan data berbentuk tema-tema yang dihasilkan berdasarkan pengekodan bahan kajian.

3.1 Dapatan kuantitatif

Pola dianalisis menggunakan tahun dan negara kajian yang dijalankan. Taburan penerbitan yang ditemui berdasarkan negara dan tahun dapat dilihat dalam jadual 1 di bawah. Trend kajian mengenai isu pengimarah masjid dilihat agak popular bagi negara Malaysia dan Indonesia. Terdapat juga penerbitan yang dilaporkan dari negara-negara lain seperti Brunei dan United Kindom. Ini menunjukkan isu pengimarah masjid juga menjadi perbincangan meluas bukan terhad dalam negara sahaja bahkan menjangkau ke luar negara. Berdasarkan tahun pula jumlah penerbitan disaring bermula pada tahun 2008 sehingga tahun 2020. Didapati jumlah penerbitan bertambah dari tahun ke tahun.

Jadual 1: Negara Mengikut Tahun

	2008	2009	2011	2012	2015	2016	2017	2018	2019	2020	Total
Brunei					1						1
Indonesia		1				1	1		2	1	6
Malaysia	1		1	1				1	2	3	9
United Kingdom									1		1

Terdapat 17 artikel penyelidikan telah dikaji secara berulang di mana perbandingan untuk persamaan dan perbezaan telah dibuat untuk mencapai konsistensi dalam subkategori yang dihasilkan. Artikel penyelidikan telah dialokasikan untuk perspektif berkaitan imarah masjid. Pada peringkat pengkodan awal terdapat 12 kod selanjutnya dikategorikan kepada 5 tema utama iaitu adab wanita di masjid, aktiviti umum, aktiviti wanita, skop imarah dan fasiliti (jadual 2). Berdasarkan tahun pula didapati tema fasiliti menjadi perbincangan utama penulisan artikel.

Jadual 2: Tema mengikut tahun

	2008	2009	2011	2012	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Adab wanita di masjid			1				1		1	
Aktiviti umum	1				1	1			1	1
Aktiviti wanita			1						1	
Skop imarah	1					1		1	1	1
Fasiliti	1			1	1		1	1	1	1

Jadual 3 di bawah menunjukkan tema-tema yang ditulis berdasarkan negara penulis. Kelima-lima tema didapati menjadi perhatian penulis dari negara Malaysia manakala penulisan dari negara Indonesia didapati memfokuskan kepada tema aktiviti umum, skop imarah dan fasiliti di masjid. Akhir sekali bagi negara Brunei penulis artikel memberikan tumpuan terhadap tema aktiviti umum dan fasiliti manakala negara United Kingdom pula memfokuskan kepada tema aktiviti wanita dan fasiliti.


Jadual 3: Tema Mengikut Negara

	Brunei	Indonesia	Malaysia	United Kingdom
Adab wanita di masjid			1	
Aktiviti umum	1	3	6	
Aktiviti wanita			1	1
Skop imarah		3	7	
Fasiliti	1	3	1	1

Secara ringkasnya dapatan kuantitatif ini menunjukkan tahun penerbitan artikel, negara penulis dan tema-tema yang menjadi tumpuan dalam penulisan setiap artikel.

3.2 Dapatan kualitatif

Setelah kesemua kod-kod dikumpulkan dalam tema, kajian mendapati terdapat lima tema yang dikeluarkan bagi membincangkan dapatan secara kualitatif. Rajah 3 di bawah menunjukkan rangkaian tema-tema yang dibina.



Rajah 3: Tema-tema yang dibina

i. Adab wanita di masjid

Tema ini dibina berdasarkan kod-kod berkaitan dengan adab wanita apabila menghadiri masjid bagi mengikuti program. Kajian terdahulu oleh Salleh (2011) menyentuh mengenai isu wanita yang *uzur syarie* menggunakan masjid. Menurut Nurdin (2019) apabila wanita datang ke masjid hendaklah mereka menjaga adab yang perlu seperti tidak memakai wangian dan meminta izin suami. Wanita juga perlu berada di saf atau ruang yang khusus ketika solat (Nurhakki & Haq, 2017). Kesemua adab yang dijelaskan ini berkait dengan keberadaan wanita ketika di masjid serta ketika mereka terlibat dengan aktiviti imarah masjid.

ii. Aktiviti umum

Artikel yang ditinjau rata-rata membincangkan mengenai aktiviti umum yang dijalankan oleh pihak masjid bagi mengimarahkan masjid. Secara terperinci di antara aktiviti yang diadakan adalah yang berbentuk ceramah agama, sambutan perayaan Islam, pengajian kitab dan kuliah-kuliah bulanan (Mustari & Jasmi, 2008; Norani & Abdullah, 2020). Kajian mendapati walaupun penulis tidak menyatakan secara nyata penglibatan wanita dalam aktiviti-aktiviti ini dalam penulisan mereka namun secara umumnya kuliah atau ceramah

berbentuk umum tanpa dikhususkan kepada wanita akan turut disertai oleh jemaah wanita. Walaupun demikian masih terdapat kelompongan dalam kajian terdahulu berkaitan aktiviti-aktiviti khusus bagi wanita.

iii. Aktiviti wanita

Kajian yang dilakukan oleh Salleh (2011) solat dan i'tikaf wanita di masjid ketika uzur. Kajian beliau ini menarik perhatian kerana isu ini sering menjadi perhatian pengkaji-pengkaji dalam isu berkisar masjid. Namun demikian kajian mendapati pengkaji juga perlu memberikan tumpuan terhadap peluang wanita untuk berada dalam keadaan yang selesa ketika beribadah di masjid. Satu artikel pula membincangkan secara khusus keadaan wanita ketika solat sunat terawih iaitu status solat sunat yang dibuat secara berjemaah di masjid sedangkan wanita lebih baik solat di rumah. Hal ini sebenarnya membataskan akses wanita mengimarahkan masjid di bulan Ramadan (Nurdin, 2019). Nyhagen (2019) pula mempertikaikan kekurangan keterlibatan wanita sebagai jawatankuasa masjid atau jawatankuasa pelaksana program di masjid. Keadaan ini juga perlu ditinjau di Malaysia khususnya bagi mengenalpasti penglibatan wanita sebagai jawatankuasa masjid dan peranan mereka dalam mengimarahkan masjid. Oleh itu tinjauan literatur ini mendapati masih banyak lagi ruang kajian bagi meneroka aktiviti-aktiviti imarah masjid berkait wanita dan keterlibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti tersebut.

Network diagram

iv. Skop imarah

Skop imarah bermaksud bidang yang menjadi tumpuan masjid bagi menjadi titik fokus dalam aktiviti pengimarahkan. Ahli kariah masjid berperanan dalam mengimarahkan aktiviti-aktiviti di masjid (Muhyiddin & Ridouan, 2020). Kajian mendapati masjid mempunyai kepelbagaian skop pengimarahkan seperti pendidikan, sosio budaya, komunikasi, ibadah, keusahawanan dan tempat pengaduan masyarakat (Mustari & Jasmi, 2008; Muttaqin & As'adi, 2019; Ufiana, 2016). Selain itu fokus masjid juga dilihat penting bagi generasi muda supaya kelompok belia dapat turut sama mengimarahkan masjid (Basit, 2009). Masjid juga berperanan sebagai pusat pengurusan wakaf dan zakat masyarakat setempat. Selain itu ahli jawatankuasa masjid juga perlu jelas mengenai konsep al-imarrah supaya aktiviti pengimarahkan berlandaskan prinsip-prinsip pengimarahkan (Remly et al., 2019). Kajian berpendapat masjid juga seharusnya memberikan tumpuan skop pengimarahkan yang bersesuaian kepada wanita seperti kaunseling, pengurusan kewangan keluarga dan pendidikan anak-anak selain bidang keagamaan.

v. Fasiliti

Artikel-artikel yang ditinjau banyak menyentuh mengenai fasiliti di masjid yang diperlukan bagi jemaah wanita seperti tempat wuduk khas, pusat rawatan kesihatan dan kecantikan dan tempat persalinan (Mustari & Jasmi, 2008; Nurhakki & Haq, 2017; Priyono, Fawaidi, & Nurhayati, 2020). Ruang solat khusus bagi jemaah wanita kebiasaannya memang disediakan oleh kebanyakan masjid namun kajian Nyhagen (2019) mendapati sekiranya masjid tidak menyediakan ruang solat khusus akan menyebabkan halangan bagi penglibatan wanita di masjid. Ruang solat wanita perlu disediakan sesuai dengan keperluan mereka seperti

berhampiran dengan tempat wuduk, ruang untuk mereka yang membawa anak kecil serta ruang untuk menukar telekung (Utaberta & Othman, 2012). Menurut Bakri, Zakaria, Kassim, & Ahmad (2018) masjid perlu menyediakan fasiliti yang baik bagi mengekalkan prestasi masjid yang mapan. Kajian yang dilakukan oleh Mustari & Jasmi (2008) pula mencadangkan pihak masjid menyediakan perpustakaan sebagai tempat untuk meletakkan bahan-bahan bacaan bagi kegunaan masyarakat. Justeru itu kemudahan fasiliti di masjid yang bersesuaian didapati boleh menarik wanita untuk datang ke masjid sama ada untuk beribadah mahupun mengikuti aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid.

4. Penutup

Kajian tinjauan tematik terhadap literatur berkaitan pengimarahannya masjid dan keterlibatan wanita ini menyoroti isu yang kebiasannya dibincangkan dalam kajian berkaitan pengimarahannya masjid. Terdapat beberapa isu yang dibangkitkan seperti adab wanita di masjid, aktiviti wanita di masjid, skop pengimarahannya dan fasiliti yang bersesuaian dengan jemaah wanita. Tinjauan literatur ini dilakukan atas dorongan keperluan menjelaskan kelompongan kajian mengenai isu keterlibatan wanita dalam aktiviti pengimarahannya masjid. Kajian ini mengenalpasti keperluan kajian terhadap penglibatan wanita di masjid sama ada sebagai ahli jawatankuasa pengimarahannya atau pun sebagai jemaah yang terlibat dengan aktiviti pengimarahannya. Secara ringkas, kajian-kajian pada masa hadapan harus mengkaji secara lebih terperinci dan mendalam mengenai isu wanita dan pengimarahannya masjid.

RUJUKAN

- Bakri, A., Zakaria, I. H., Kassim, R., & Ahmad, A. N. A. (2018). Adoption Of The Systematic Facilities Management Approach To The Sustainable Performance Of Mosques. *International Journal of Technology*, 9(8), 1542–1550. <https://doi.org/10.14716/ijtech.v9i8.2745>
- Basit, A. (2009). Strategi Pengembangan Masjid Bagi Generasi Muda. *KOMUNIKA: Jurnal Dakwah Dan Komunikasi*, 3(2), 270–286. <https://doi.org/10.24090/komunika.v3i2.130>
- Hamidi, K. A., & Mustafa, Z. (2013). Politik Gender : Perbandingan Peranan Wanita Dan Proses Politik Di Malaysia-Jepun : Halangan Dan Prospek. *E-Journal of Social Science Research*.
- Muhyiddinn, A. D., & Ridouan, A. (2020). Peranan Ahli Kariah Masjid Dalam Mengimarahkan Aktiviti-Aktiviti Masjid : Satu kajian di masjid Taman Bukit Bendera ,Mentakab Pahang Darul Makmur. *Al-Sirat*, 19, 117–134.
- Mustari, M. I., & Jasmi, K. A. (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Kuala Lumpur: Penerbit UiTM.
- Muttaqin, A. I., & As'adi, M. (2019). Pendampingan Kegiatan Keagamaan di Masjid Al Falah Dusun Krajan Desa Siliragung Kecamatan Siliragung Banyuwangi. *Jurnal ABDI KAMI (Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat)*, 1(2), 105–114.
- Norani, M. N. M., & Abdullah, W. H. (2020). Analisis Aktiviti Pengajian Keagamaan Di Institusi Masjid-Masjid Negeri Melaka. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 119–129.
- Nurdin, Z. (2019). Shalat Tarawih Bagi Perempuan di Masjid Era 4.0. *Nuansa*, 12(2), 268–

277. <https://doi.org/10.29300/nuansa.v1i2i.2764>
- Nurhakki, N., & Haq, I. (2017). Representasi Perempuan di Masjid. *Jurnal Askopis*, 1(2), 81–88. <https://doi.org/10.32494/ja.v1i2.31>
- Nyhagen, L. (2019). Mosques as Gendered Spaces: The Complexity Of Women's Compliance With, And Resistance To, Dominant Gender Norms, And The Importance Of Male Allies. *Religions*, 10(5), 1–15. <https://doi.org/10.3390/rel10050321>
- Omar, A. R. C., Hussin, M. Y. M., & Muhammad, F. (2019). Assessing Strategic Orientation And Mosques Performance. *Research in World Economy*, 10(5), 30–35. <https://doi.org/10.5430/rwe.v10n5p30>
- Priyono, D. J., Fawaidi, B., & Nurhayati, U. (2020). Pemberdayaan Masjid: Pembinaan Masjid Agar Menjadi Masjid Yang Makmur di Masjid Al-Huda Dusun Darussalam Desa Jatimulyo Kecamatan Jenggawah Kabupaten Jember. *Al-Ijtima': Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat*, 1(1), 26–40.
- Remly, M. R., Abdul Kadir, M. N., Othman, F., & Sabaruddin, S. A. (2019). Prinsip al-Imarah dalam kalangan AJK Masjid Kearah Mengimarahkan Institusi Masjid. *Jurnal Al-Turath*, 4(2), 28–36.
- Saari, C. Z., & Borhan, J. T. (2006). Peranan Wanita dalam Pengukuhan Akidah Umat Islam. *Jurnal Usuluddin*, Volume 23(Issue 23), 35–50.
- Salleh, S. F. (2011). Muslimah Dan Masjid Dari Perspektif Aktiviti Ibadah. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, (Keluaran Khas), 71–81.
- Soetrisno, L. (2016). Peranan Wanita Dalam Pembangunan: Suatu Perspektif Sosiologis. *Populasi*. <https://doi.org/10.22146/jp.10692>
- Ufiana. (2016). Efektivitas Dakwah Muslimat NU Di Desa Nyamuk Kecamatan Karimunjawa Kabupaten Jepara. *Jurnal An-Nida*, 8(1), 83–92.
- Utaberta, N., & Othman, H. (2012). Analisis Hadits Dalam Permasalahan Perancangan Masjid Modern Di Malaysia. *Journal of Islamic Architecture*, 1(3), 107–122. <https://doi.org/10.18860/jia.v1i3.1770>
- Zairul, M. (2020). A Thematic Review On Student-Centred Learning In The Studio Education. *Journal of Critical Reviews*, 7(2), 504–511. <https://doi.org/10.31838/jcr.07.02.95>